

BH 05 OCT 2001

Dr Mahathir nafi lapo

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan laporan sebuah majalah asing bahawa projek terowong menghubungkan Johor Bahru-Singapura dibatalkan kerana kos terlalu tinggi.

Perdana Menteri berkata, laporan itu adalah semata-mata spekulasi kerana kedua-dua belah pihak belum membuat sebarang keputusan muktamad me-

ngenai projek itu.

"Sebarang keputusan mengenai isu itu akan dibincangkan dengan Singapura. Kita sebenarnya belum memutuskan bagaimana dan apa bentuk yang akan dilakukan. Kita akan berbincang dengan pihak Singapura kerana ia adalah sesuatu keputusan yang tidak boleh dilakukan secara sendiri," katanya selepas merasmikan Persidangan Tin-

dakan Ketua Eksekutif (CEO) bagi Industri Penge-tahuan dan Mapan 2001, di sini.

Majalah Far Eastern Economic Review (FEER) baru-baru ini melaporkan bahawa kerajaan mungkin membatalkan projek itu kerana kos yang amat tinggi iaitu RM1.5 bilion.

Terowong sepanjang 600 meter itu adalah sebahagian daripada pakej bersama yang dipersetujui

ran projek terowong dibatal

antara Malaysia dan Singapura untuk diselesaikan.

Awal bulan lalu, Malaysia dan Singapura bersetuju menyelesaikan semua isu tertangguh yang berlarutan begitu lama berikutan perbincangan antara Dr Mahathir dan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew.

Persetujuan itu merangkumi penjualan air oleh Malaysia kepada Singapura; pertikaian mengenai

pembangunan tanah milik KTM Bhd dan status Pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin di stesen KTM Tanjung Pagar, Singapura; penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan pengeluaran wang caruman dari Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF) oleh pekerja dari Semenanjung Malaysia.

Selain isu itu, kedua-dua

pihak juga setuju dengan cadangan tambahan Malaysia mengenai pembinaan jambatan baru menghubungkan kedua-dua negara dan merobohkan Tambak Johor selepas jambatan baru itu siap pada 2007.

Apabila siap, jambatan baru yang turut mengandungi paip saluran air ke Singapura di bahagian bawahnya serta pembinaan terowong bagi laluan

Keretapi yang menghubungkan Kebun Teh, di Johor Bahru ke Kranji, Singapura.

Kedua-dua negara juga bersetuju supaya kedudukan terowong yang akan dibina itu ditetapkan melalui kordinat menentukan sempadan perairan negara. Ini bermakna, kedudukan terowong Singapura dan Malaysia berada dalam negara masing-masing.